



14 Oktober 2021  
14 October 2021  
P.U. (A) 398

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN  
(PINDAAN) 2021

*CONTROL OF SUPPLIES (AMENDMENT) REGULATIONS  
2021*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN BEKALAN 1961

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 6 Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Oktober 2021.

**Pindaan peraturan 13**

2. Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 [P.U. (A) 103/1974], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 13(4) dengan memasukkan selepas perkataan "Peraturan-peraturan ini" perkataan "boleh dibuat dalam bentuk elektronik dan".

**Pindaan peraturan 18**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 18 dengan peraturan yang berikut:

"Sekatan pemilikan barang berjadual bagi penggunaan dan pengambilan dalam perdagangan atau perniagaan. 18. (1) Mana-mana orang yang menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan, yang dalam penjalanan perdagangan atau perniagaan itu dia menggunakan atau mengambil mana-mana barang berjadual sebagaimana yang dinyatakan dalam Ruang 1 Bahagian IV Jadual, tidak boleh ada dalam milikannya kuantiti barang berjadual sebagaimana yang dinyatakan dalam Ruang 2 Bahagian IV Jadual.

(2) Subperaturan (1) tidak terpakai bagi mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (1) yang telah diberikan kebenaran melalui permit yang dikeluarkan oleh Pengawal.

(3) Permohonan bagi permit hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengawal dan hendaklah disertakan dengan apa-apa maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengawal.

(4) Pengawal boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan patut bagi pengeluaran permit di bawah peraturan ini.”.

#### **Pindaan Jadual**

4. Jadual kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Bahagian IV dengan bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IV  
(Peraturan 18)

Ruang 1	Ruang 2
<i>Barang berjadual</i>	<i>Kuantiti</i>
1. Tepung gandum	Melebihi 12kg
2. Gula	Melebihi 12kg
3. Minyak masak	Melebihi 12kg
4. Gas Cecair Petroleum	Melebihi 42kg
5. Semua gred petrol	Melebihi 20 liter
6. Semua gred bahan api diesel	Melebihi 20 liter”.

Dibuat 14 Oktober 2021  
[KPDN.100-1/4/5; PN(PU2)188/XII]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna*

CONTROL OF SUPPLIES ACT 1961

CONTROL OF SUPPLIES (AMENDMENT) REGULATIONS 2021

IN exercise of the powers conferred by section 6 of the Control of Supplies Act 1961 [Act 122], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Control of Supplies (Amendment) Regulations 2021**.

(2) These Regulations come into operation on 15 October 2021.

**Amendment of regulation 13**

2. The Control of Supplies Regulations 1974 [*P.U. (A) 103/1974*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in subregulation 13(4) by inserting after the words “this Regulation” the words “may be made in electronic form and”.

**Amendment of regulation 18**

3. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 18 the following regulation:

“Restriction on possession of scheduled articles for use or consumption in trade or business. 18. (1) Any person who carries on any trade or business, which in the course of the trade or business he uses or consumes any of the scheduled article as specified in Column 1 of Part IV of the Schedule, shall not have in his possession the quantity of the scheduled article as specified in Column 2 of Part IV of the Schedule.

(2) Subregulation (1) shall not apply to any person referred to in subregulation (1) who has been authorized by way of a permit issued by the Controller.

(3) An application for permit shall be made in writing to the Controller and shall be accompanied with any information as may be determined by the Controller

(4) The Controller may impose any conditions he deems fit for the issuance of permit under this regulation.”.

### **Amendment of Schedule**

4. The Schedule to the principal Regulations are amended by substituting for Part IV the following part:

“PART IV

(Regulation 18)

Column 1	Column 2
<i>Scheduled article</i>	<i>Quantity</i>
1. Wheat flour	Exceeding 12kg
2. Sugar	Exceeding 12kg
3. Cooking oil	Exceeding 12kg
4. Liquefied Petroleum Gas	Exceeding 42kg
5. All grades of petrol	Exceeding 20 liter
6. All grades of diesel fuel	Exceeding 20 liter”.

Made 14 October 2021

[KPDN.100-1/4/5; PN(PU2)188/XII]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
*Minister of Domestic Trade  
and Consumer Affairs*